



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN
FESTIVAL HARI MUZIUM ANTARABANGSA
PERINGKAT KEBANGSAAN 2026**

24 JUN 2026 (RABU)

9:00 PAGI

**DATARAN ANGSANA, JOHOR BAHRU
JOHOR DARUL TA'ZIM**

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

Terima kasih kepada Pengacara Majlis.

SALUTASI

**(akan disediakan secara berasingan)*

PENDAHULUAN

1. Pada pagi yang penuh bermakna ini, kita diberi kesempatan untuk bersama-sama meraikan **Festival Hari Muzium Antarabangsa (HMA) Peringkat Kebangsaan 2026**, iaitu sebuah acara yang mengangkat nilai warisan dan sejarah negara bangsa.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Kerajaan Negeri Johor, Jabatan Muzium Malaysia** dan **Yayasan Warisan Johor** atas komitmen, serta penganjukan cemerlang festival pada tahun ini. Kejayaan penganjukan ini membuktikan bahawa pemeliharaan warisan bukanlah tanggungjawab satu pihak semata-mata, sebaliknya adalah satu ***whole-of-government dan whole-of-society approach*** yang melibatkan kerajaan, institusi budaya, akademik, komuniti dan rakyat secara keseluruhannya.

3. Tahun 2026 merupakan detik yang amat signifikan kerana menandakan **30 tahun penganjuran Hari Muzium Antarabangsa di Malaysia** sejak mula disambut pada tahun 1997. Tiga dekad perjalanan ini membuktikan bahawa institusi muzium kekal relevan sebagai *living institution*, *knowledge hub*, *custodian of collective memory* dan platform yang membentuk kefahaman rakyat terhadap sejarah yang menjadi asas kepada sebuah negara bangsa yang kukuh.
4. Seperti dimaklumkan sebentar tadi, pada tahun ini, **International Council of Museums (ICOM)** mengangkat tema “**Museums Uniting a Divided World**” atau “**Muzium Menyatukan Dunia yang Terpisah**”. Tema ini amat bertepatan dengan realiti dunia hari ini yang berdepan pelbagai cabaran seperti polarisasi sosial, konflik geopolitik, penyebaran maklumat yang memecah-belahkan masyarakat serta peningkatan jurang antara generasi dan komuniti.
5. Muzium berperanan sebagai *bridge-builder*, *social connector*, dan *platform for intercultural dialogue* yang membantu masyarakat memahami kepelbagaian, menghormati perbezaan dan membina rasa kebersamaan berasaskan sejarah serta warisan yang dikongsi bersama.

6. Peranan ini turut selari dengan aspirasi **Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations)** menerusi **Resolusi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu– Transforming Our World: The 2030 Agenda for Sustainable Development**, yang mengiktiraf budaya dan warisan sebagai pemangkin kepada pembangunan mampan, keamanan, keterangkuman sosial dan kesejahteraan masyarakat.
7. Justeru, tema tahun ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan agenda **Pembinaan Negara Bangsa** yang menjadi antara fokus utama negara khususnya Kementerian Perpaduan Negara. Sebuah negara yang bersatu tidak boleh dibina hanya melalui pembangunan fizikal dan ekonomi semata-mata. Ia perlu dibina atas asas kefahaman sejarah, penghargaan terhadap kepelbagaian budaya dan penghayatan identiti nasional yang dikongsi bersama.
8. Di sinilah peranan muzium menjadi semakin penting. Muzium berfungsi sebagai ***nation-building institution***, yang menghimpunkan naratif sejarah daripada pelbagai kaum, etnik dan wilayah untuk membentuk satu ***shared national narrative***.

PEMERKASAAN MUZIUM

Hadirin yang saya hormati,

9. Malaysia hari ini mempunyai **232 buah muzium**, terdiri daripada **22 muzium Persekutuan, 63 muzium agensi dan institusi, 103 muzium negeri serta 44 muzium persendirian**. Jumlah ini mencerminkan kekayaan khazanah sejarah, budaya dan warisan negara yang perlu terus dipelihara serta dimanfaatkan untuk generasi akan datang.
10. Seiring dengan perubahan zaman, fungsi muzium kini semakin berkembang. Jika dahulu muzium lebih dikenali sebagai tempat penyimpanan dan pameran koleksi bersejarah, hari ini ia **memainkan peranan yang jauh lebih besar sebagai pusat pembelajaran sepanjang hayat, pemangkin inovasi budaya, ruang interaksi masyarakat serta platform perkongsian ilmu yang merentas generasi**.
11. Dalam landskap global yang dipacu oleh teknologi, kecerdasan buatan dan pendigitalan, **institusi muzium perlu terus beradaptasi dengan kehendak semasa. Pendekatan penyampaian yang lebih interaktif, penggunaan teknologi digital, pengalaman pembelajaran yang lebih menarik**.

12. Atas kesedaran tersebut, **Kerajaan MADANI** pada tahun ini telah melaksanakan tiga langkah penting bagi memperkukuh dan mentransformasikan sektor permuziuman negara agar terus relevan.
13. **Pertama**, Kerajaan memperkenalkan **Geran Padanan Muzium** menerusi Belanjawan 2026. Inisiatif julung kali ini bertujuan memperkasa pembangunan sektor permuziuman melalui pelaksanaan projek yang memberi manfaat secara langsung kepada rakyat. Tumpuan diberikan kepada pembangunan infrastruktur, pendigitalan muzium, penyediaan ruang pendidikan serta pelaksanaan program-program permuziuman yang lebih inklusif dan berorientasikan komuniti.
14. **Kedua**, Jemaah Menteri telah meluluskan secara dasar cadangan penggubalan **Rang Undang-Undang Muzium Malaysia (RUUMM)** pada 29 April 2026. Penggubalan undang-undang ini merupakan satu anjakan besar dalam memperkukuh tadbir urus sektor permuziuman negara. Ia akan menjadi undang-undang Persekutuan pertama yang menyediakan kerangka perundangan khusus bagi mengawal selia penubuhan, pendaftaran, pengurusan dan pemeliharaan

muzium serta koleksi negara secara lebih sistematik dan mampan. Hanya terpakai di Wilayah Persekutuan.

15. **Ketiga**, Kerajaan telah meluluskan pembangunan **Muzium Alam Semula Jadi Malaysia di Putrajaya, sekaligus merealisasikan hasrat yang telah dirancang sejak tahun 1989**. Projek ini merupakan antara inisiatif strategik negara dalam memperkukuh pemeliharaan dan pendidikan berkaitan biodiversiti serta warisan alam semula jadi Malaysia. Sebagai salah sebuah negara mega biodiversiti dunia, Malaysia memiliki khazanah alam yang amat bernilai. Sehingga kini, Muzium Alam Semula Jadi menyimpan sebanyak **76,666 spesimen**, merangkumi 73,934 koleksi zoologi, 2,075 koleksi botani dan 657 koleksi geologi. Koleksi ini bukan sahaja mempunyai nilai saintifik yang tinggi, malah menjadi sumber rujukan penting dalam usaha penyelidikan, pendidikan dan pemuliharaan warisan alam negara.

16. Apabila siap kelak, Muzium Alam Semula Jadi Malaysia akan menjadi mercu tanda baharu negara yang menggabungkan elemen sains, teknologi, pendidikan dan pemeliharaan warisan alam, selaras dengan aspirasi Malaysia untuk melahirkan masyarakat yang berilmu, berbudaya dan menghargai kekayaan biodiversiti negara.

17. Ketiga-tiga inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI untuk memastikan institusi muzium terus diperkasakan sebagai wadah pendidikan, pemeliharaan warisan, pembangunan modal insan dan pembinaan negara bangsa.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati,

18. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya rakamkan sekalung penghargaan kepada Jabatan Muzium Malaysia dan Kerajaan Negeri Johor atas penganjuran Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2026.
19. Semoga program ini akan terus mengukuhkan jalinan kerjasama erat yang telah lama terbina antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan - Kerajaan Negeri. Akhir kata, saya dengan sukacitanya **merasmikan Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2026.**

Sekian, terima kasih.